

## Penuntut UPNM maut, tiga rakan cedera kereta terlibat kemalangan

Oleh ASLIZA MUSA, 21 Ogos 2022, 10:13 am



KEADAAN kereta Perodua Kancil dinaiki penuntut UPNM yang maut dalam kemalangan di Kilometer 46, Jalan Ipoh-Taiping dekat Kota Lama Kiri semalam. - UTUSAN/JBPM PERAK

**KUALA KANGSAR:** Seorang penuntut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) maut manakala tiga rakannya cedera setelah kereta dinaiki mereka terbabit nahas di Kilometer 46, Jalan Ipoh-Taiping dekat Kota Lama Kiri di sini malam tadi.

Kejadian sekitar pukul 11.50 malam itu mengorbankan penumpang hadapan kereta jenis Perodua Kancil, Muhammad Ali Ihsan Dzulkeflee, 22, di tempat kejadian.

Difahamkan, Muhammad Ali Ihsan dan rakannya merupakan pelajar UPNM yang sedang menjalani latihan praktikal di lokasi berbeza di Kuala Kangsar. Ketua Polis Daerah Kuala Kangsar, Asisten Komisioner Omar Bakhtiar Yaacob berkata, ketika kejadian kereta Perodua Kancil dinaiki mangsa dan tiga rakannya dalam perjalanan dari arah Kuala Kangsar menuju Sungai Siput.

Katanya, apabila sampai di lokasi kejadian, sebuah Toyota Vios dipandu lelaki berusia 41 tahun yang datang dari arah bertentangan hilang kawalan dan terbabas masuk ke laluan bertentangan.

“Toyota Vios itu kemudiannya melanggar tiang di bahu kiri jalan di hadapan laluan kereta mangsa sebelum berpusing masuk ke tengah jalan. “Pada masa sama, kereta Perodua Kancil yang sedang mara di laluan sahnya tidak sempat mengelak lalu merempuh Toyota Vios tersebut,” katanya di sini hari ini. Menurut beliau, akibat kemalangan itu, mangsa yang duduk di bahagian penumpang hadapan cedera parah dan maut di tempat kejadian manakala tiga rakannya masing-masing patah kaki dan tangan selain luka dan lebam di beberapa bahagian badan.

Katanya, pemandu Toyota Vios turut mengalami kecederaan di kepala. Kesemua mangsa yang cedera dihantar ke Hospital Kuala Kangsar untuk rawatan. “Berdasarkan siasatan awal, punca kemalangan dipercayai berlaku setelah kereta Toyota Vios hilang kawalan dan terbabas masuk ke laluan bertentangan lalu bertembung dengan kereta Perodua Kancil. “Siasatan lanjut sedang dijalankan dan kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987,” katanya. – [UTUSAN](#)